

10 APR 2001

Parlimen-Lulus

DEWAN RAKYAT LULUS USUL RRJP3 DAN DASAR WAWASAN NEGARA

KUALA LUMPUR, 10 April (Bernama) -- Persidangan Dewan Rakyat hari ini meluluskan usul Rangka Rancangan Jangka Panjang Ketiga (RRJP3) dan Dasar Wawasan Negara (DWN), rangka tindakan pembangunan negara untuk tempoh 10 tahun akan datang.

Ia dibentangkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada Selasa lepas dan telah dibahas selama tiga hari.

Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi semasa menggulung perbahasan bagi Jabatan Perdana Menteri berkata RRJP3 digubal untuk melahirkan masyarakat yang bersatu padu dan saksama serta membangunkan ekonomi berasaskan pengetahuan.

"Tanpa wujudnya masyarakat yang bersatu padu dan saksama, pembangunan ekonomi hanyalah satu mimpi yang tidak kesampaian.

"Kerajaan percaya bahawa adalah sangat penting untuk kita mempertahankan kedaulatan pertiwi daripada ancaman luaran dan dalam waktu yang sama memastikan rakyat negara ini selamat daripada ancaman ketidakstabilan dan keganasan dalam negeri," katanya.

Merujuk kepada insiden pergaduhan di kawasan Jalan Klang Lama, Petaling Jaya baru-baru ini, Abdullah berkata peristiwa itu mengingatkan kepada hakikat bahawa Malaysia adalah negara berbilang kaum serta agama, dan ketegangan perkauman masih boleh berlaku.

Ketika menjawab pertanyaan Ketua Pembangkang Datuk Fadzil Noor (PAS-Pendang) yang meminta penjelasan sama ada kerajaan akan mewujudkan satu suruhanjaya bebas bagi menyasat punca insiden pergaduhan itu, Abdullah yang juga Menteri Dalam Negeri berkata kerajaan berpendapat tidak perlu satu badan berasingan diwujudkan bagi menyasat peristiwa itu.

Beliau berkata insiden itu adalah satu peristiwa malang yang berlaku di negara ini dan kerajaan akan membuat kajian yang rapi mengenainya.

"Kerajaan bersedia menerima apa jua pandangan bagi mengelak peristiwa sedemikian berulang. Kita anggap ia satu peristiwa serius," katanya.

Mengenai tuduhan pembangkang bahawa dasar kerajaan menjadi punca insiden pergaduhan itu, beliau berkata tuduhan itu adalah tidak benar dan tidak adil kerana kerajaan Barisan Nasional sejak dahulu sentiasa mempraktikkan dasar penyusunan semula masyarakat dan pembasmian kemiskinan tanpa mengira kaum serta perkongsian kuasa politik.

"Jika formula ini tidak berkesan dan menjadi punca ketegangan perkauman, saya yakin Barisan Nasional tidak dapat bertahan lama dan kerajaan tidak diberi mandat dua pertiga di Parlimen setiap kali pilihan raya umum," katanya.

Abdullah berkata RRJP3 adalah produk hasil persetujuan parti-parti komponen BN setelah mendapat maklumat balas rakyat melalui Majlis Perundingan Ekonomi Negara II (MAPEN II).

Katanya kebanyakan parti pembangkang enggan menerima jemputan untuk menghadiri MAPEN II dan ini membuktikan mereka tidak bersungguh-sungguh dan ikhlas serta tidak berkemampuan untuk mencorak masa depan Malaysia.

Ketika menjawab pertanyaan Chong Eng (DAP-Bukit Mertajam) mengenai bila laporan MAPEN II akan diberikan, Abdullah berkata laporan itu telah siap dan hanya perlu dicetak untuk diedarkan.

"Apa yang terdapat dalam RRJP3 adalah satu anjakan dan strategi untuk semua rakyat Malaysia. Ia tidak merupakan dasar yang memperjuangkan politik perkauman yang hanya tertumpu kepada kejayaan satu suku, bangsa atau agama," katanya.

Mengenai dasar penswastaaan, Abdullah berkata kerajaan berpendapat ia telah mencapai objektifnya untuk mengurangkan beban kewangan kerajaan dan meningkatkan produktiviti.

Ketika menjawab pertanyaan Mohamad Sabu (PAS-Kuala Kedah) mengapa dasar penswastaaan tidak berjaya menambah pemilikan ekuiti bumiputera pada tempoh 10 tahun lepas, Abdullah berkata kerajaan juga menghadapi pelbagai masalah seperti krisis ekonomi pada tahun 1980-an serta pengangguran siswazah sehingga terpaksa membenarkan pegangan pelaburan asing ditingkatkan bagi membuka lebih banyak peluang kerajaan.

Abdullah berkata kerajaan sentiasa memantau pelaksanaan projek penswastaaan dan satu kajian menyeluruh akan dibuat bagi memperbaiki apa-apa kelemahan dasar penswastaaan itu.

-- BERNAMA

HS HS NMO